

# Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin rayu suntikan dana naik taraf bangunan tambahan

## KANCHONG DARAT

- Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin memerlukan suntikan dana bagi menaik taraf bangunan tambahan demi keselesaan 70 penghuninya.

Pengerusinya, Molyana Mahmud, 60, berkata, rumah kebaikan itu telah ditubuhkan sejak 10 tahun lalu dan pada masa ini ia memerlukan penambahan prasarana.

"Anggaran dana bagi menyambung kerja-ker-

ja pembesaran rumah ini adalah sebanyak RM20,000 dan pihak saya berharap ada pihak yang sudi memberi sumbangan," katanya kepada pemberita selepas Program Sentuhan Kasih Pelajar-pelajar dari Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) di Kanchong Darat baru-baru ini.

Molyana berkata, pihaknya terharu dengan kehadiran pelatih IKBN dan pelajar

pusat pengajian tinggi itu yang bertungkus-lumus mengelat semula rumah tersebut, memperbaiki pintu tandas serta memberi sumbangan perabot.

"Penghuni-penghuni di sini saya jaga seperti anak-anak saya sendiri dan saya akan curahkan kasih sayang tidak berbelah bahagi. Harapan saya agar bantuan dana itu dapat memberi keselesaan kepada anak-anak ini semua," katanya.



Sebahagian pelatih yang hadir sempena Program Sentuhan Kasih Pelajar di Rumah Anak Yatim dan Asnaf As Solihin, Kanchong Darat.